

U 8878 DEB

MAHATHIR - PEGAWAI

1984  
S H A H ALAM, 3 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI D R. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI PEGAWAI KERAJAAN TIDAK MEMPUNYAI SEBARANG ALASAN UNTUK MENTADBIR DENGAN TIDAK CEKAP DAN LAMBAT APATAHLAGI DENGAN ADANYA PELBAGAI SISTEM MODEN YANG DIGUNAKAN SEKARANG TERMASUK KOMPUTER.

PERDANAMENTERI BERKATA NEGARA MEMPUNYAI PELBAGAI ALAT DAN KEMUDAHAN BAGI MENENTUKAN DAN MENJADIKAN PENTADBIRAN NEGARA PALING BERKESAN DI DUNIA.

+KERAJAAN SETERUSNYA AKAN MENXNGKATKAN SISTEM PENTABDIRAN TERMASUK MENGADAKAN KURSUS DIINTANDARI MASA KE MASA. OLEH SEBAB ITU, TIDAK ADA SEBAB BAGI PARA PENTADBIR MENJALANKAN TUGAS YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN DENGAN TIDAK CEKAP. +

BELIAU BERUCAP DEMIKIAN SEMASA MERASMSKAN BILIK GERAKAN IBU PEJABAT NEGERI SELANGOR BERHARGA \$600,000 DI BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH DISINI.

DR. MAHATHIR JUGABERKATA SEBARANG SISTEM YANG DIPERKENALKAN SEPERTI FAIL MEJA DAN MANUAL PERATURAN BERTUJUAN MEMUDAHKAN MEREKA MENJALANKAN TUGAS HARIAN.

DR. MAHATHIR BERKATA MENERUSI KEDUA-DUA SISTEM ITU, PARA PEGAWAI YANG TIDAK MEMPUNYAI BANYAK KEBOLEHAN DATI MENINGKATKAN KERJA MEREKA BERDASARKAN CARA YANG DITUNJUKKAN.

+DENGAN SISTEM ITU DAN JUGA KOMPUTER DI MANA DENGAN MENEKAN BUTANG SAHAJA SEMUA PENERANGAN TERPAMPANG SUDAH TENTU TUGAS KITA SEKARANG LEBIH MUDAH DARI DAHULU. +

BELIAU JUGA MENYENTUH ARAHANNYA DALAM MESYUARAT KABINET MINGGU LALU AGAR SEMUA ARAHAN MENTERI ATAU KEMENTERIAN KEPADA PEGAWAI DIBERI JAWAPAN DAN TINDAK BALAS DALAM MASA LIMA HARI DARITARIKH DAN MASA ARAHAN ITU DIKELUARKAN.

BELIAU BERKATA TEMPOH ITU DIBERIKAN UNTUK MEMBOLEHKAN KERAJAAN MENDAPAT MAKLUMBALAS MENGENAI PRESTASI YANG DICAPAI SETELAH ARAHAN DIKELUARKAN.

+INI JUGA UNTUK MENENTUKAN KETUA ATAU PEGAWAI KERAJAAN YANG DITUGASKAN MEMBUAT LAPORAN TIMBAL BALAS TIDAK LUPA AKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA. +- BERNAMA,

2156MST 03 '12 84